

30/08/1997

Memulihkan semula kekuatan BSKL

URUS niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) walaupun ditutup pada 804.40 mata, turun 7.78 mata semalam, mula menunjukkan tanda pemulihan. Kejatuhan awal pagi dapat diimbangi sebelum sesi petang, ditutup dengan jumlah 545 juta saham diniagakan. Seperti yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, institusi dana tempatan disertai pelabur perseorangan, memasuki pasaran secara besar-besaran tetapi perlahan sehingga berjaya meningkatkan urus niaga bernilai lebih RM2 bilion. Berdasarkan pemulihan itu seperti yang digambarkan penganalisis, kita yakin BSKL akan melonjak kembali dalam tempoh terdekat ini apabila institusi dana tempatan memberi komitmen tinggi menerusi kemasukan aktif manakala pelabur runcit semakin berani mendekati pasaran. Ringgit yang dijangka meningkatkan prestasinya minggu depan, juga akan memberi keyakinan kepada pelabur untuk menyokong pasaran saham.

Kita akui, sebelum ini pelbagai saranan sudah dibuat oleh banyak pihak agar pengurus dana tempatan mengambil peluang membeli saham di BSKL yang kini menyaksikan tahap di bawah nilai sebenarnya. Walaupun matematik asas menjelaskan pelabur membeli pada harga murah dan menjualnya pada harga tinggi untuk mendapatkan keuntungan, ia seolah-olah tidak diterima oleh pengurus dana tempatan. Alasan yang selalu diberikan ialah dalam apa jua keadaan pasaran, mereka mesti berhati-hati, tidak terburu-buru kerana tidak yakin sama ada pasaran melonjak semula atau sebaliknya. Mereka tetap melihat keluar masuk pasaran secara konservatif. Malah Perdana Menteri ketika merasmikan bangunan baru BSKL baru-baru ini, menegur pengurus dana tempatan lebih rela menjadi pengikut daripada menjadi 'penghulu' di depan.

Bagaimanapun kita berharap kemasukan mereka kali ini akan memecah tradisi dan amalan lama itu. Kita tidak lagi mahu mereka dilabelkan sebagai tidak memiliki keberanian. Kemasukan mereka semalam bukan sekadar menerima arahan tetapi untuk memikul satu tanggungjawab dan amanah besar memulihkan keyakinan pelabur dan mencergaskan sentimen. Lebih daripada itu, mereka ibarat tentera yang dikerah menewas seterusnya mematikan langkah musuh - iaitu manipulator yang kedatangan mereka tidak pernah diundang untuk merompak pasaran.

Sebagaimana kita maklum manipulator kini mengalihkan serangan mereka kepada BSKL untuk mengaut keuntungan menekan ringgit pada kadar terendah menerusi kegiatan di pasaran tukaran asing. Mereka cuba memaksa pasaran harga saham terus jatuh menerusi jualan singkat bagi membolehkan mengeksploitasi keuntungan.

Kita percaya jika dalam tempoh terdekat institusi dana tempatan boleh bertahan, secara langsung menarik perhatian institusi asing yang tulen kembali semula ke BSKL. Pasaran akan stabil semula apabila penjualan manipulatif asing berakhir dengan arah aliran di BSKL seterusnya ditentukan oleh pelabur tempatan. Lagipun tidak ada sebab mengapa kita sendiri perlu khuatir dan gundah bahawa pasaran saham tidak akan pulih berdasarkan profil syarikat yang disenaraikan di BSKL itu mempunyai asas yang kukuh, pengurusan yang berwibawa, peningkatan keuntungan dan potensi yang cerah.

Peruntukan baru dalam Akta Syarikat 1965 yang membenarkan syarikat awam yang disenaraikan di BSKL membeli balik sahamnya dan memberi pinjaman atau bantuan kewangan kepada pihak lain untuk membeli sahamnya di pasaran saham, berkuatkuasa Isnin ini juga dijangka membantu keadaan.

Kini semua pihak perlu terus menyokong BSKL. Jika mereka sanggup

membelanjakan berbilion ringgit untuk membantu memulihkan pasaran, selepas ini mereka juga perlu lebih bekerjasama menyusun satu perancangan jangka panjang. Sesungguhnya adalah amat merugikan untuk kita menggunakan wang yang sebegitu banyak hanya bagi menjadikan bursa tempatan kelihatan baik dalam jangka masa yang pendek. Harapan Perdana Menteri agar bank tidak akan membuat panggilan margin buat sementara waktu terhadap peminjam yang mengalami kejatuhan nilai dalam sandaran saham mereka, juga kita lihat sebagai satu usaha yang dapat membendung tekanan jualan bagi menyokong pasaran saham.

Bagaimanapun seperti didedahkan Perdana Menteri kelmarin, kita kecewa dengan tindakan institusi kewangan tertentu yang sanggup menjadi tali barut manipulator untuk mencari keuntungan menerusi jualan singkat. Perbuatan mereka jelas tidak bertanggungjawab, meletakkan kepentingan diri mengatasi segala-galanya dan sanggup mengkhianati negara dan pelabur tempatan. Kita mahu pengkhianat ini diseret ke muka pengadilan.

(END)